



# MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

## MEMO

Ruj Tuan :

Ruj Kami : MSNS.100-1/8/1 ( )

Tarikh : 1 November 2019

<b>Tajuk</b>	<b>PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR</b>	
<b>Daripada</b>	<b>PENGARAH EKSEKUTIF</b>	<b>Salinan</b>
<b>Kepada</b>	<b>PEGAWAI DAN KAKITANGAN MSNS</b>	<b>-TPBPK -TPBPS -TPBPGM</b>

1. Elemen fleksibiliti bagi waktu bekerja dalam perkhidmatan awam telah dilaksanakan sejak tahun 1998 apabila Kerajaan memperkenalkan WBB. Mulai 1 Januari 2018, WBB yang dilaksanakan adalah sepertimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 yang terdiri daripada empat (4) Waktu Peringkat (WP) iaitu WP1, WP2, WP3 dan WP4 di mana pegawai boleh bekerja mengikut WP yang dipilih dengan kelulusan Ketua Jabatan. Kerajaan juga telah membuat penambahan empat (4) lagi WP yang dilaksanakan khusus pada bulan Ramadan iaitu WP5, WP6, WP7 dan WP8.

2. WBF adalah merupakan masa bekerja yang fleksibel di mana pegawai diberi fleksibiliti untuk hadir bekerja dalam tempoh waktu masuk dan waktu pulang yang ditetapkan, dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari. WBF diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sebelum ini mengguna pakai WBB.

3. Selaras dengan pelaksanaan perkara tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 22 / 2019 yang diadakan pada 7 Ogos 2019 dan disahkan dalam MMKN ke-23 / 2019 yang diadakan pada 14 Ogos 2019 telah menimbang dan meluluskan cadangan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 – Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) berkuat kuasa 1 Ogos 2019 dengan beberapa perkara tambahan seperti mana yang telah ditetapkan.

**PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI  
MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

---

4. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Lembaga Pengurus MSNS Bilangan 2 tahun 2019 yang bersidang pada 17 September 2019 telah menimbang dan **bersetuju** agar MSNS menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 – Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF)**, seperti mana yang telah dipersetujui oleh MMKN.

5. Pelaksanaan WBF ini akan berkuat kuasa **serta-merta** dan perlu dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan, seperti mana yang tertakluk dalam peraturan dan pekeliling yang telah ditetapkan. Kegagalan mematuhi Waktu Bekerja Fleksi (WBF) yang telah ditetapkan ini, boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang terlibat.

Segala kerjasama, tindakan dan perhatian tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**

**"SELANGOR PENERAJU KECEMERLANGAN SUKAN"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI P.P.T)**

Fadhli/memopelaksanaanwaktukerjafleksi/Desktop